



## Tune Protect lancar pelan insurans penyakit kritikal

KUALA LUMPUR: Tune Insurance Malaysia Bhd (Tune Protect Malaysia) melancarkan produk insurans penyakit kritikal pertamanya, Critical Safe+, yang menyasarkan segmen pasaran golongan milennial dan zillennial.

Produk insurans kesihatan dalam talian itu melindungi pelanggan daripada penyakit kritikal tahap lanjutan dengan harga mampu milik, pilihan fleksibel, dan pelbagai manfaat.

Ketua Pegawai Eksekutifnya Jubin Mehta berkata pelanggan boleh menyesuaikan pelan insurans berdasarkan bajet mereka dan mendapatkan perlindungan kewangan yang diperlukan terhadap penyakit kritikal.

"Pelanggan kami boleh membuat keputusan untuk menentukan tahap perlindungan, jumlah yang diinsuranskan dan pilihan tambahan.

"Mereka bebas untuk menentukan pelan yang optimum untuk mereka, yang mana mungkin tidak perlu begitu mahal atau meluas," kata Jubin semasa pelancaran Critical Safe+ di sini, hari ini.

Menurut **Jabatan Perangkaan Malaysia**, golongan milennial (yang lahir antara 1981-1996) dan zillennial (mereka yang lahir antara 1997-2012) merupakan 69.6 peratus daripada jumlah penduduk Malaysia.

Syarikat itu berkata Critical Safe+ tersedia dalam talian melalui laman sesawang dan aplikasi mudah alih Tune Protect, dan semua pembelian dalam talian layak untuk mendapat diskaun sebanyak 15 peratus.

"Prosedur tuntutan juga cepat dan mudah kerana pelanggan boleh membuat tuntutan melalui saluran dalam talian yang sama, menjadikan proses ini mudah dan lancar. Selain itu, pelanggan juga boleh memilih pembayaran premium bulanan untuk meringankan komitmen kewangan mereka," katanya.

Pelanggan yang membeli Critical Safe+ juga akan menerima kredit RM50 dalam e-dompet mereka semasa kempen pelancaran khas yang akan berakhir pada 30 September 2022.

Mereka yang ingin mendapatkan maklumat lanjut atau membeli Critical Safe+ boleh melayari laman sesawang syarikat di [www.tuneprotect.com/products/criticalsafeplus/](http://www.tuneprotect.com/products/criticalsafeplus/) atau muat turun aplikasi mudah alih Tune Protect daripada Apple App Store atau Google Play Store.

Tune Protect Malaysia merupakan anak syarikat insurans am Malaysia, Tune Protect Group Bhd.

– Bernama

<https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2022/08/992315/tune-protect-lancar-pelan-insurans-penyakit-kritikal>